

23 OCT 1998

BELANJAWAN-REAKSI/I

BELANJAWAN 1999 AKAN RANGSANG AKTIVITI EKONOMI, KATA KETUA DRB-HICOM

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Belanjawan 1999 menyediakan dorongan kukuh bagi memperbaharui pertumbuhan dan akan merangsangkan lebih banyak aktiviti ekonomi dalam sektor automotif, perbankan, pembinaan dan pelancongan, kata pengerusi kumpulan DRB-Hicom Tan Sri Mohd Saleh Sulong.

Beliau menganggap matlamat belanjawan untuk mencapai pertumbuhan satu peratus tahun depan adalah realistik dan boleh dicapai seperti usaha membenters inflasi.

"Dalam sektor automotif, kami begitu digalakkan oleh belanjawan di mana kami percaya akan merangsangkan permintaan dalam negeri bagi kedua-dua kenderaan penumpang dan komersil," katanya, sambil menambah ia akan menambah kepada pemulihan kukuh yang sudah dialami oleh pasaran dengan langkah-langkah yang telahpun dilaksanakan oleh kerajaan sebelum ini.

Mohd Saleh berkata langkah-langkah baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini adalah inovatif, pragmatik dan menyokong perniagaan.

Sementara itu, pengerusi Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan Malaysia (AFCM) Datuk Tay Ah Lek melabelkan Belanjawan 1999 sebagai "belanjawan promosi pertumbuhan", di mana daripada perspektif makro menyentuh semua sektor ekonomi dan lapisan peringkat penduduk.

"Memandangkan kepada keadaan ekonomi ketika ini belanjawan pengembangan akan terus merangsangkan aktiviti ekonomi di negara ini dan akan bekerjasama dengan dasar kewangan longgar di mana negara ini berusaha untuk menggalakkan aktiviti dan pertumbuhan ekonomi," tambahnya.

Tay berkata cadangan untuk tidak menimbangkan 50 peratus jumlah dalam faedah dalam akaun "in-suspense" sebagai pendapatan bagi tujuan-tujuan cukai pendapatan, akan mengurangkan beberapa tekanan ke atas sektor kewangan.

"Malahan, langkah-langkah itu akan membetulkan beberapa kesan selowengan daripada layanan cukai semasa ke atas pendapatan faedah di bawah faedah akaun "in-suspense", " jelasnya.

Bagi cadangan pengecualian ke atas duti setem dan cukai harta sebenar berkaitan dengan gabungan institusi kewangan, Tay berkata pengecualian itu bukan sahaja mengurangkan kos gabungan di kalangan institusi kewangan tetapi juga mempercepatkan beberapa perjanjian gabungan yang sedang dirundingkan di antara mereka.

"Kami yakin pengecualian itu akan terus memudahkan gabungan di kalangan institusi kewangan sejajar dengan matlamat kerajaan untuk mengukuhkan sektor kewangan kita," tambahnya.

Tay juga berkata kebanyakan peminjam akan memperolehi faedah daripada cadangan pengecualian ke atas duti setem bagi instrumen pembiayaan semula pinjaman.

Beliau berkata ia bukan sahaja akan mengurangkan bebanan peminjam yang mengusahakan kemudahan pembiayaan semula tetapi juga menyediakan satu insentif bagi mereka untuk menimbangkan opsyen pembiayaan semula dengan lebih serius.

-- BERNAMA

MFJ ZK MA